

Redah sungai setiap hari

Jambatan menghubungkan Maahad Tahfiz Al Khoolidi runtuh akibat banjir

BUKIT SENTOSA - Pelajar sebuah maahad tahfiz di Hulu Yam dekat sini terpaksa meredah air sungai untuk ke seberang jalan berikutan jambatan menghubungkan institut pengajian agama itu runtuh dan dihanyutkan air sejak tragedi banjir besar melanda Batang Kali, 7 Mei lalu.

Pembantu Tadbir, Maahad Tahfiz Al Khoolidi, Othman Abdullah berkata, masalah kewangan menyebabkan usaha membina semula jambatan yang ketika itu masih dalam pembinaan tidak dapat dilakukan hingga kini.

"Kesemua 40 pelajar terpaksa menyusuri sungai untuk ke seberang jalan sebab tiada pilihan atau laluan lain.

"Setiap hari kami terpaksa berbuat demikian kerana kedudukan pusat pengajian kami berada berdekatan sungai," katanya ketika ditemui


selepas menerima bantuan peruntukan pendidikan daripada Kerajaan Negeri di Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) PKR Dewan Undangan Negeri (Dun) Batang Kali di sini.

Othman berkata, jambatan itu masih belum dapat dibina semula kerana pihak maahad tahfiz masih berusaha mendapatkan sumber kewangan bagi tujuan itu.

Menurutnya, ketiadaan bantuan dan sumber kewangan yang mencukupi turut memaksa kerja-kerja pembersihan jambatan yang runtuh itu dilakukan sendiri menggunakan dana yang ada selain mengerah tenaga pelajar membantu.

Katanya, sebuah kenderaan milik tenaga pengajar maahad tahfiz turut terkandas dan tidak dapat digunakan disebabkan keadaan itu.

"Sebelum kejadian ban-



Othman (kanan) ketika menerima bantuan daripada Khalid di PKM Batang Kali.

jir awal Mei lalu itu, jambatan tersebut masih belum siap sepenuhnya dan sudah terdapat strukturnya yang rosak akibat arus deras.

"Pada malam kejadian banjir itu, jambatan yang dibina menggunakan dana terkumpul sumbangan beberapa hamba Allah runtuh dan

dihanyutkan air," katanya.

Jelasnya, pada awal pagi kejadian, seorang pegawai PKM Dun Batang Kali menghubungi pihaknya bertanya

kan keadaan pelajar dan ketika itu mereka maklumkan kejadian tersebut.

Tambahnya, permohonan bantuan memperbaiki jambatan dan keperluan infra lain telah dikemukakan kepada beberapa pihak termasuk PKM itu.

Beliau bersyukur kerana PKM telah membantu dengan menghulurkan peruntukan.

"Kita bersyukur kerana dapat bantuan. Syukur ada wakil Kerajaan Negeri yang bantu," katanya.

Sementara itu, Penyelaras Dun Batang Kali, Khalid Jaafar berkata, beliau sedar keperluan maahad tahfiz berkenaan dan berharap bantuan diberikan dapat membantu.

Beliau berkata, selain maahad tahfiz itu, enam lagi sekolah termasuk sekolah agama dan kafa serta Sekolah Jenis Kebangsaan Cina menerima peruntukan pendidikan itu.